



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
86400 PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR DARUL TA'ZIM
TEL : 07- 4564114 /4011 FAX : 07-4536585
<http://www.uthm.edu.my>

**PANDUAN
 PERLANTIKAN DAN TUNTUTAN ELAUN PEMBIMBING
 PROGRAM LATIHAN MENGAJAR**

CALON PEMBIMBING

Pembimbing yang dicalonkan perlu memenuhi kriteria berikut:

1. Guru terlatih yang **berpengalaman** dan telah **disahkan** dalam jawatan.
2. Mempunyai bidang pengkhususan (opsyen) yang sama dengan pelatih.
3. Boleh membimbing maksimum dua orang pelatih secara berterusan dari mula hingga selesai dalam sesuatu program Latihan Mengajar.
4. Mampu menjalankan penyeliaan dan penilaian untuk setiap pelatih sebanyak minimum **satu kali dalam seminggu**.
5. Calon pembimbing hendaklah mengisi Borang Permohonan Pembimbing (UTHM/FPTV/LM/01/10-2).

PERLANTIKAN PEMBIMBING

1. Perlantikan pembimbing diputuskan oleh Jawatankuasa Latihan Mengajar UTHM berdasarkan borang permohonan.
2. Surat perlantikan rasmi pembimbing akan dikeluarkan oleh Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM.
3. Pembimbing perlu melaksanakan bimbingan secara berterusan.
4. Pembimbing hanya boleh membimbing maksimum dua orang pelatih.
5. Pembimbing yang dilantik perlu melakukan penyeliaan dan penilaian minimum satu kali seminggu bagi setiap pelatih dengan menggunakan borang penilaian yang disediakan.
6. Bimbingan dibuat secara teratur dan berkesan berpandukan kepada Garis Panduan Latihan Mengajar UTHM.
7. Tuntutan pembimbing tidak layak dibayar kepada seorang pelatih dengan dua pembimbing. Tuntutan pembimbing hanya layak dibayar kepada seorang pembimbing dengan seorang pelatih atau dengan dua orang pelatih.

TUNTUTAN ELAUN KHAS PEMBIMBING

1. Tuntutan elaun dibuat mengikut bulan hendaklah menggunakan **Borang Tuntutan Pembimbing Latihan Mengajar** (UTHM/FPTV/LM/01/10-3).
 2. Borang tuntutan perlu disertakan dengan dokumen berikut:
 - 2.1 **Salinan surat perlantikan pembimbing daripada UTHM.**
 - 2.2 **Salinan asal borang penyeliaan pelatih satu penyeliaan/minggu** (UTHM/FPTV/LM/02/01-1, UTHM/FPTV/LM/02/01-2, UTHM/FPTV/LM/02/01-3)
 3. Borang yang telah lengkap hendaklah dimajukan kepada Pejabat Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional seminggu setelah tamat latihan mengajar.
 4. Kadar elaun pembimbing adalah seperti berikut:
 - 4.1 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) yang dilantik untuk menyelia diberi elaun khas sebanyak RM 40.00 sebulan bagi menyelia seorang pelatih.
 - 4.2 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) yang dilantik untuk menyelia diberi elaun khas sebanyak RM 30.00 sebulan bagi menyelia seorang pelatih.
 - 4.3 Tugas tambahan tersebut tidak boleh diambil kira untuk kerja lebih masa.
- Rujukan : KK/BP (S) 12/795/690 Jd.:2(SK.1/2004) (9)*
5. Kerjasama daripada pihak tuan/puan diharapkan agar dapat menghantar borang tuntutan yang lengkap dengan dokumen seperti yang dikehendaki. Sebarang kemusykilan berkaitan urusan tuntutan, sila berhubung dengan urusetia latihan mengajar Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.

Nota:

[Kiraan hari membimbing adalah termasuk hari-hari cuti mingguan, cuti pertengahan semester, cuti khas sekolah, cuti peristiwa dan lain-lain cuti umum selagi ianya tetakluk di dalam tempoh latihan mengajar mulai daripada tarikh pelatih melapor diri ke sekolah hinggalah ke tarikh akhir program latihan mengajar tersebut.]